

01 JUL 2000

Abdullah-MT

MT INGINKAN PANDANGAN SEMUA GOLONGAN MASYARAKAT

KUALA LUMPUR, 1 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata beliau yakin semua 10 anggota Majlis Tertinggi (MT) Umno yang dilantik semalam mampu memberi sumbangan kepada perbincangan di peringkat MT dan berupaya menjalankan tugas yang dipertanggungjawabkan kepada mereka.

Timbalan Perdana Menteri berkata walaupun empat daripada mereka merupakan muka baru dalam MT, tetapi mereka adalah anggota Umno termasuk peguam Azalina Othman yang menjadi anggota Umno cawangan Raja Chulan bahagian Bukit Bintang.

"Presiden (Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad) kata yang ada kekosongan hanya 10 dan cadangan Perdana Menteri untuk mengemukakan muka baru patut dialu-alukan," katanya kepada pemberita pada sidang media selepas merasmikan perayaan Hari Koperasi Antarabangsa di Kelana Jaya di sini, hari ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas pelantikan itu yang melibatkan muka-muka baru Menteri Pendidikan Tan Sri Musa Mohamad, Ketua Penerangan Pemuda Umno Azimi Daim, Pengerusi Bank Rakyat Dr Norraesah Mohamad dan Azalina, selain enam muka lama.

Mengenai Azalina yang tidak dikenali oleh kebanyakan anggota Umno, Timbalan Presiden Umno itu berkata menurut pergerakan Wanita, peguam berusia 36 tahun itu aktif dalam pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

Abdullah berkata Umno perlu juga memahami apa yang berlaku dalam NGO, pandangan mereka, apa yang menjadi keprihatinan mereka dan apa yang menarik perhatian mereka.

"Itu bukanlah tak relevan... kalau ada orang yang ada pengalaman dalam NGO, saya ingat, relevan juga untuk dia memainkan peranan dan memberi sumbangan kepada perbincangan-perbincangan dalam MT," katanya.

Azalina turut memegang jawatan setiausaha agung dalam dua pertubuhan sukarela.

Ketika ditanya sama ada ia merupakan satu daripada strategi Umno untuk memikat hati NGO, beliau berkata sebagai sebuah parti politik, Umno mahu memahami apa yang berlaku dalam semua golongan masyarakat.

Beliau menegaskan adalah penting bagi Umno mendengar pandangan dan reaksi mereka terhadap dasar-dasar yang dilaksanakan dari semasa ke semasa dan bertindak balas di mana yang perlu.

"Kita juga bersikap responsif... kalau kita dengar apa yang kita fikir perlu diberi perhatian segera, kita akan beri perhatian. Supaya ia menjadi respons yang baik, kita perlu memahami lebih dekat lagi dengan mendekati golongan ini," katanya.

Menurut Abdullah bukanlah perkara yang pelik bagi Umno untuk mendekati golongan NGO kerana parti itu bukannya tidak pernah melakukannya.

-- BERNAMA

MNY ZS RON